

Dalam Negeri

Melaka wajibkan penjaja, peniaga carum Perkeso

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM

TAZALI
utusannews@mediamula.com.my

MELAKA: Bermula Disember ini, peniaga dan penjaja di negeri ini diwajibkan mencarum skim Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) sebelum membuat permohonan lesen baharu atau memperbaharui lesen perniagaan sedia ada.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab. Rauf Yusoh berkata, beliau meminta semua pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk bekerjasama dengan Perkeso bagi memastikan inisiatif melestarikan rakyat itu dapat dilaksanakan.

Katanya, dengan caruman serendah RM466.60 setahun, skim itu dapat memberi perlindungan jangka panjang kepada mereka yang terlibat dalam sektor berkenaan.

“Kita memang mencadangkan agar semua penjaja dan mereka yang bekerja sendiri dapat dilindungi dengan perlindungan insurans serendah RM3.88 sehari. Jadi, kita minta pihak PBT mewajibkan penjaja yang memohon lesen baharu



AB. RAUF YUSOH (tengah) menyampaikan siji kepada seorang penerima pada Majlis Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka di MITC Ayer Keroh, Melaka.

atau memperbaharui lesen supaya mencarum Perkeso untuk diri mereka sendiri.

“Tidak sampai RM4 pun sebulan. Mereka akan mendapat perlindungan sekiranya ditimpa

kemalangan dan keluarga juga dapat meneruskan kehidupan.

“Itu adalah satu cadangan dan juga arahan kepada PBT agar melestarikan rakyat yang hendak berniaga sendiri da-

pat diteruskan,” katanya pada Majlis Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh di sini, semalam.

TARIKH: 15/9/23.

SURAT KHABAR: utusan Malaysia.

MUKA SURAT: 32.